

WACANA TEKSTUAL LAPORAN POLIS KES KEMALANGAN JALAN RAYA

Syairil Adzrin Salbi, Muhammad Alif Redzuan Abdullah, Normaliza Abd Rahim, Salina Husain dan Che An Abdul Ghani
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada wacana tekstual dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya di negeri Selangor. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti dan membincangkan wacana tekstual dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya di negeri Selangor. Reka bentuk kajian ini adalah kaedah kualitatif penerokaan yang mengaplikasikan instrument kajian iaitu analisis kandungan dokumen. Analisis kandungan dokumen digunakan dalam kajian ini disebabkan oleh laporan polis merupakan satu laporan yang bertulis dan analisis kandungan setiap teks perlu dilakukan bagi mengenalpasti wacana tekstual yang terkandung dalam laporan polis yang dikaji. Laporan polis kes kemalangan jalan raya dipilih sebagai sumber data kajian disebabkan oleh laporan polis merupakan satu dokumen rasmi yang mengandungi teks penulisan pengadu dalam membuat aduan. Sebanyak 20 salinan laporan polis yang berkaitan dengan kes kemalangan jalan raya di negeri Selangor pada tahun 2014 diperoleh dari Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman (JSPT). Selain itu, pemilihan data ini juga disebabkan perkara yang terkandung laporan polis seperti isi laporan adalah merupakan penulisan pengadu sendiri tanpa ubah suai daripada pegawai polis yang menerima aduan tersebut, oleh itu analisis wacana tekstual sangat relevan untuk dilakukan. Laporan polis kemalangan jalan raya yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis wacana kritis yang dicadangkan oleh Model Tiga Dimensi Fairclough (1995). Hasil kajian telah menunjukkan bahawa dimensi tekstual sangat mempengaruhi laporan polis kes kemalangan jalan raya sama ada daripada aspek kosa kata, leksikal mahupun kohesi. Dimensi wacana tekstual dapat menyampaikan maklumat dengan baik kepada pengguna dan menarik perhatian dengan kata yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, wacana tekstual merupakan salah satu aspek yang sangat penting yang harus digunakan oleh masyarakat dalam penulisan laporan polis kes kemalangan jalan raya.

Kata kunci: *Analisis Wacana Kritis, Wacana Tekstual, Laporan Polis.*

ABSTRACT


This study focuses on the textual discourse in police reports of road accident cases in the state of Selangor. This study was conducted to full fill the objectives of the study, which are to identify and discuss the textual discourse in the police report of road accident cases in the state of Selangor. The design of this study is a qualitative method of exploration that applies the research instrument which is document content analysis. Document content analysis is used in this study due to the fact that the police report is a written report and content analysis of each text needs to be done to identify the textual discourse contained in the police report studied. The police report of the road accident case was chosen as the source of study data considering the police report is an official document that contains the text of the complainant's writing in making the complaint. A total of 20 copies of police reports related to road accident cases at state of Selangor in 2014 obtained from the Bukit Aman Traffic Investigation and Enforcement Department (JSPT). In addition, the selection of this data is also due to the content of the police report such as the content of the report is the complainant's own writing without modification from the police officer who received the complaint, therefore textual discourse analysis is very relevant to do. However, after collecting a copy of this police report, a selection will be made on the copy of the police report to be reviewed in line with the objectives of the study. The collected road accident police reports were then analyzed using the critical discourse analysis approach proposed by Fairclough's Three -Dimensional Model (1995). The results of the study have shown that the textual dimension greatly influences the police report of road accident cases either in terms of vocabulary, lexical or cohesion. The textual discourse dimension is able to convey information well to the user and attract attention with the words contained in it. Therefore, textual discourse is one of the very important aspects that should be used by the society in writing police reports of road accident cases.

Keywords: *Critical Discourse Analysis, Textual Discourse, Police Report.*


PENGENALAN

Berdasarkan statistik pada tahun 2010 hingga 2019 yang diperolehi daripada laman sesawang rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia (KPM), kemalangan yang direkodkan di Malaysia menunjukkan peningkatan dalam tempoh masa sembilan tahun. Menurut laman sesawang KPM yang memetik sumber daripada Polis Diraja Malaysia mendapati bahawa bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia telah mencatatkan jumlah tertinggi bagi tempoh sembilan tahun, iaitu daripada tahun 2010 hingga 2019. Selain itu, berdasarkan graf 1 dan 2 yang di petik daripada laman sesawang rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia (KPM) menunjukkan bahawa tahun 2016 telah mencatatkan bilangan kematian yang tertinggi, iaitu sebanyak 7,152 kematian manakala tahun 2018 pula mencatatkan kadar kematian paling sedikit, iaitu sebanyak 6,284 kematian (Graf 1). Walau bagaimanapun, pada tempoh tiga tahun, iaitu tahun 2016 hingga 2018 mencatatkan penurunan kadar kematian, iaitu sebanyak 12.1% (Graf 2).

Graf 1 : Jumlah Kemalangan Jalan Raya di Malaysia 2010 – 2019



Graf 2 : Jumlah Kemalangan Jalan Raya di Malaysia 2010 – 2019




Terdapat pelbagai perkara yang boleh dikaitkan yang punca berlakunya kemalangan jalan raya antaranya pengguna jalan raya, persekitaran dan kenderaan. Menurut Norziha Che-Him. *et. al.* (2018), terdapat beberapa factor penyebab kepada kemalangan jalan raya seperti faktor persekitaran, jalan raya, pengguna, kenderaan dan interaksi antara faktor tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa kemalangan yang berlaku dipengaruhi oleh jenis jalan dan membawa kepada peningkatan jumlah kemalangan di Malaysia serta negara-negara lain. Pada masa yang sama, kajian yang dilakukan oleh Norziha Che-Him. *et. al.* (2018) turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Joewono Prasetijo. *et. al.* (2020) yang mendapati bahawa peningkatan kemalangan di kawasan Jalan Persekutuan FT050 (Jalan Batu Pahat - Kluang - Ayer Hitam) adalah disebabkan oleh keadaan persekitaran jalan dan faktor daripada manusia (pengguna). Oleh itu, dengan menaiktaraf jalan serta membuat pembahagi jalan didapati dapat mengurangkan jumlah kemalangan yang berlaku.

Kemalangan jalan raya bukanlah sesuatu perkara yang diinginkan namun sekiranya berlaku, terdapat pelbagai perkara yang perlu dilakukan oleh mereka yang terlibat terutamanya membuat laporan polis. Berpandukan Seksyen 107 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, laporan polis merupakan perkara yang sangat penting bagi memulakan sesuatu penyiasatan tidak kira samaada berkaitan dengan jenayah ataupun kemalangan jalan raya. Sesuatu laporan polis berkaitan dengan kemalangan jalan raya merupakan satu proses di mana pihak polis akan menjalankan siasatan bagi mengetahui punca serta anggaran kerugian kemalangan tersebut. Selain itu, laporan polis juga merupakan satu dokumen yang boleh digunakan sebagai pembelaan dan pembuktian di mahkamah sekiranya individu yang terlibat dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan jalan raya.

Pada masa yang sama, berdasarkan laporan kemalangan yang telah dilakukan oleh pengadu, pihak polis dapat menggunakan data dalam menyediakan Laporan Perangkaan Kemalangan Jalan Raya pada setiap tahun. Laporan kes kemalangan jalan raya dapat memberikan maklumat yang diperlukan oleh seorang pegawai polis seperti dalam penyediaan laporan perangkaan yang diperlukan bagi mengetahui mengenai status dan senario kemalangan jalan raya di negara ini. Bagi melaporkan sesuatu kes kemalangan, seseorang pengadu haruslah membuat laporan polis di balai polis berdekatan dengan memberikan seberapa lengkap maklumat bagi memudahkan pegawai penyiasat untuk melakukan siasatan. Terdapat beberapa penerangan yang melibatkan prosedur membuat laporan polis kes kemalangan seperti yang ditunjukkan dalam carta berikut.

Carta 1 : Carta Aliran Aliran Siasatan Kes Kemalangan Jalan Raya
 Sumber : Laman Sesawang Rasmi MyGovernment



Menurut Talib Ria Jaafar, Mohd Faizar Mustafa, Sutiman Kemin dan Ramlan Kasiran (2003), pada 1 Januari 1992 borang siasatan kemalangan polis POL27 (Pind 1/91) telah mula digunakan dalam memberi maklumat yang lebih lengkap dan terperinci mengenai sesuatu kemalangan. Apabila terjadinya sesuatu kemalangan maut, PDRM akan mendapatkan kerjasama dari pihak Puspakom dalam menjalankan siasatan serta pemeriksaan teknikal ke atas kenderaan yang terbabit dan Jabatan Kimia untuk mendapatkan bahan bukti berkaitan kemalangan tersebut. Bagi menyempurnakan sesuatu laporan penyiasatan serta membantu golongan pengadu dalam menyelesaikan kes kemalangan jalan raya yang dialami, pengadu haruslah membuat laporan polis dengan baik iaitu

menggunakan bahasa serta wacana yang betul agar seseorang pegawai penyiasat mudah memahami segala situasi dan maklumat yang diperlukan bagi membantu siasatan.

Sekiranya sesuatu laporan yang dilakukan oleh pengadu tidak mempunyai aspek wacana yang baik, perkara ini akan menyukarkan seseorang pegawai polis dalam melakukan siasatan kerana terdapat perkara yang penting yang berlaku di tempat kejadian gagal disampaikan dengan sempurna oleh pengadu. Oleh itu, sesuatu laporan tidak dapat dijalankan dengan baik dan akan menyukarkan pengadu sekiranya ingin melakukan proses tuntutan insuran dan sebagainya. Justeru, analisis wacana tekstual sangat penting bagi memberikan gambaran serta panduan bagi membantu golongan pengadu dan pegawai polis dalam memantapkan lagi penulisan laporan polis yang menepati ciri-ciri yang diperlukan dalam sesuatu penyiasatan terutamanya melibatkan kemalangan jalan raya.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat pelbagai kajian wacana yang telah dilaksanakan oleh golongan pengkaji terdahulu yang berkait dengan laporan dan menjadikan analisis wacana kritis sebagai teori bagi melaksanakan kajian seperti kajian Magusin (2017). Beliau mengatakan bahawa perlu ada keprihatinan berkaitan dengan kadar kematian pejalan kaki dan penunggang basikal yang dilihat semakin berterusan dan kebanyakan pejalan kaki dan penunggang basikal ini merupakan mangsa keadaan namun sering kali dipersalahkan sekiranya berlaku kemalangan ataupun kematian mereka. Menerusi kajian ini, didapati bahawa media selalu melaporkan perkara yang melibatkan kemalangan pejalan kaki sebagai sesuatu kejadian yang terpendil, bukan satu isu yang besar ataupun merupakan masalah keselamatan serta kerana laporan media di tempat kejadian merupakan satu wacana yang dominan yang disertakan fakta. Walau bagaimanapun, terdapat juga laporan yang lebih positif melaporkan berkaitan dengan pejalan kaki dalam sesuatu kemalangan dengan menggunakan wacana untuk mengubah persepsi masyarakat seperti kemalangan berpunca daripada pemandu mabuk atau sebagainya.

Seterusnya kajian yang dilakukan itu tertumpu kepada pelbagai ciri dan sifat berkaitan dengan struktur sesebuah wacana yang dihasilkan secara lebih mendalam dan kebanyakannya penghasilan wacana ini menekankan berkaitan dengan aspek tekstual. Kajian yang dilakukan ini juga sama seperti kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu, iaitu memberikan penekanan terhadap struktur tekstual yakni dengan melihat kepada aspek kosa kata, leksikal mahupun kohesi seperti kajian Izzati Rozman (2017) yang membincangkan mengenai pemilihan kosa kata dalam artikel serta faktor sosial mempengaruhi pemilihan bahasa dan mempunyai implikasi dalam sesebuah masyarakat. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pendekatan dari segi pemilihan kosa kata oleh pengarang dalam mengolah peristiwa insiden pergaduhan. Pada masa yang sama, terdapat kajian yang dilakukan oleh Khikmah Susanti, Puji Anto dan Atiek Nur Hidayati (2017) dalam kajian mereka tentang teks iklan yang memberi tumpuan kepada aspek analisis teks (*teks*), analisis amalan wacana (*discourse practice*) dan analisis amalan sosiobudaya (*sociocultural practice*) dan mendapati bahawa pemilihan teks yang dilakukan banyak menggunakan identiti tertentu seperti identiti moden dan India untuk menggambarkan makanan India.

Kajian Nur Indah Sholikhathi dan Hari Bakti Mardikantoro (2017) menyatakan bahawa kedua-dua aspek perbendaharaan kata mempunyai tujuan untuk mengesahkan dan mengaburkan makna sebenarnya. Pada masa yang sama, analisis teks juga merangkumi aspek tatabahasa dengan menggunakan transitiviti, ayat positif negatif, dan modaliti, dan menggunakan struktur teks menurut piramid terbalik dengan corak pembinaan teks berita. Pada masa yang sama, penyampaian berita, media juga cenderung dalam meyakinkan masyarakat untuk mempercayai berita yang disampaikannya. Bagi pembinaan wacana mengenai rasuah sedemikian dipengaruhi oleh aspek situasi, institusi dan sosial. Dengan memanfaatkan aspek-aspek ini, media berusaha untuk merepresentasikan ideologi mereka kepada masyarakat. Kajian tersebut telah disokong oleh Ardikantoro, Hari Bakti, Santoso, & Wahyudi Joko (2017) yang mengatakan bahawa dimensi teks

dari aspek struktur makro, superstruktur, dan mikro struktur teks berita dilihat lebih cenderung berpihak kepada gerakan untuk menolak dan mengutuk kes-kes rasuah. Kajian yang dilakukan mendapati bahawa menerusi kes rasuah yang berlaku, pihak wartawan akan sentiasa berpihak kepada penguatkuasa berbanding dengan pesalah yang melakukan kesalahan. Sebagai contoh penggunaan ayat oleh media yang memberikan gambaran penolakan unsur rasuah adalah seperti berikut;

“Bukan hanya masalah kepandaian, bukan hanya masalah kepintaran, tetapi adalah masalah karakter, masalah integritas, masalah kejujuran, masalah akhlak. Yang kita butuhkan adalah yang berakhlakulqarimah. Banyak yang pinter-pinter tapi senengnya pungli. Senengnya mungli, bukan pungli, seneng mungli. Ini yang ... ini yang menjadi penyakit bangsa kita,” kata-kata Presiden Joko Widodo. (*Terapkan Pungli, Oknum Dishub Tertangkap, NET, 22 Oktober 2016*)

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Ninit Alfianika (2016) yang menyatakan bahawa penulisan berita jenayah yang bertemakan pencurian tetap akan menyembunyikan identiti pelaku dalam tajuk utama berita berkenaan namun penulis tidak akan mengetepikan individu yang menjadi mangsa kepada jenayah tersebut. Namun, menerusi kajian analisis wacana berita atas talian yang dilakukan oleh Ary Hunanda Kuswandari, St. Y. Slamet & Budhi Setiawan (2017) berpendapat bahawa dalam mengukuhkan tema berita dalam sesuatu isu bagi menerangkan maklumat dan peristiwa, bentuk pengulangan, penggunaan gambar, foto, grafik, dan data sokongan, seperti hasil penyelidikan lapangan yang berkaitan haruslah diberikan penekanan. Terdapat perbezaan yang ditunjukkan oleh kajian Hendrikus A. A. de Rosari (2020), iaitu memberi penerangan berkaitan dengan perkembangan struktur makro, struktur atas dan struktur mikro dalam teks *Stand Up Comedy Musim 4* yang ditayangkan di Kompas Tv yang mengandungi unsur komedi, kritikan dan sindiran dalam isi wacana. Menerusi kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa pemilihan topik/tema dalam setiap wacana *Stand Up Comedy Season 4* di Kompas Tv adalah berbeza namun tujuan penggunaannya tetap sama, iaitu mengutarakan kritik, pernyataan, pandangan, dan sekaligus memberikan penyelesaian untuk kemajuan masyarakat. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian, iaitu dapat melahirkan wacana-wacana baru yang kritis dengan memfokuskan unsur bahasa pada sesuatu wacana lisan ataupun tulisan.

Menerusi kajian Siti Aminataz Zuhriyah (2019) menyatakan bahawa dalam memberikan maklumat kepada masyarakat, penggunaan kohesi leksikal pengulangan sering digunakan kerana akan memudahkan pembaca dalam mentafsirkan peristiwa selain lebih mudah untuk difahami. Kajian yang dilakukan oleh Siti Aminataz Zuhriyah (2019) turut disokong oleh kajian Fadila Sukma Wijaya (2020), iaitu menyatakan bahawa kohesi leksikal pengulangan banyak digunakan dalam akhbar. Penggunaan kohesi leksikal pengulangan ini bertujuan untuk pengesahan serta dapat meyakinkan golongan pembaca selain digunakan sebagai pengganti objek atau subjek yang dimaksudkan. Selain itu, kajian Ririn Hardianthy Tonang (2020) dalam kajian berkaitan kohesi leksikal dalam akhbar turut menyatakan bahawa kohesi leksikal pengulangan banyak digunakan dalam akhbar disebabkan oleh kohesi leksikal bentuk pengulangan berfungsi untuk menekankan dan mengesahkan unit bahasa menjadi elemen utama dalam wacana.

Kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu kebanyakan hanya memfokuskan kepada satu-satu elemen dalam wacana sahaja seperti kajian berkaitan tema, kajian berkaitan dengan konjungsi dan sebagainya tetapi kajian yang dilakukan tersebut tidak dilakukan secara menyeluruh seperti kajian yang dilakukan ini. Antara kajian tersebut, ialah kajian yang dilakukan oleh Umami Nur Asyiqeen Zulkefly dan Kesumawati A. Bakar (2017) mengatakan bahawa pemboleh ubah bagi kajian ini adalah tema atau rangka wacana berita dan pengaruh kuasa. Kajian ini mendapati bahawa rangka berita paling utama digunakan adalah “kesan perubahan iklim” dan diikuti oleh “punca-punca perubahan iklim” manakala rangka berita paling kurang digunakan adalah “galakan mengambil

tindakan” dan “langkah penyelesaian”. Seterusnya kajian Amin Aminudin (2020) iaitu hanya melihat kepada topik utama yang diketengahkan dalam laporan majalah berkaitan dengan aktiviti rasuah yang telah dilakukan oleh Setya Novanto sahaja. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini lebih memfokuskan kepada kajian analisis wacana tekstual yang merangkumi aspek kosa kata, leksikal mahupun kohesi dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya. Kajian ini hanya memberikan tumpuan terhadap laporan kemalangan jalan raya di negeri Selangor sahaja berdasarkan objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan wacana tekstual dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya.

OBJEKTIF KAJIAN

Mengenal pasti dan membincangkan wacana tekstual dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya.


METODOLOGI

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan mengkaji data kajian berkaitan dokumen yang telah dipilih. Data kajian yang akan di analisis dalam kajian ini adalah laporan kemalangan jalan raya kereta dengan motosikal di negeri Selangor pada tahun 2014 yang diperolehi daripada Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman. Selain itu, pengkaji menggunakan teknik persampelan secara rawak berstrata iaitu dalam pemilihan terhadap laporan polis kes kemalangan jalan raya. Justeru, kajian ini menggunakan sebanyak dua puluh laporan polis kes kemalangan jalan raya, iaitu kemalangan melibatkan kereta dengan motosikal yang dipilih secara rawak daripada negeri Selangor. Laporan polis kes kemalangan jalan raya dipilih sebagai sumber data kajian disebabkan oleh laporan polis merupakan satu dokumen rasmi yang mengandungi teks penulisan pengadu dalam membuat aduan. Selain itu, pemilihan data ini juga disebabkan perkara yang terkandung dalam laporan polis seperti isi laporan adalah merupakan penulisan pengadu sendiri tanpa ubah suai daripada pegawai polis yang menerima aduan tersebut, oleh itu analisis wacana tekstual sangat relevan untuk dilakukan.

Laporan polis kes kemalangan jalan raya dipilih sebagai sumber data kajian disebabkan oleh laporan polis merupakan satu dokumen rasmi yang mengandungi teks penulisan dalam membuat aduan. Selain itu, pemilihan data ini juga disebabkan oleh isi terkandung yang terdapat dalam laporan polis tersebut merupakan penulisan daripada pengadu sendiri tanpa ubah suai daripada pegawai polis yang menerima aduan tersebut. Berdasarkan aspek berkenaan, analisis wacana tekstual ini sangat relevan untuk dilakukan. Bagi mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti wacana tekstual dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya, kajian ini telah menggunakan pendekatan teorin analisis wacana kritis yang telah diperkenalkan oleh Fairclough (1995). Melalui teori ini, terdapat tiga dimensi penting yang telah diketengahkan iaitu analisis tekstual, analisis amalan wacana dan analisis praktikal sosial. Walaubagaimanapun, kajian yang dilakukan ini hanya tertumpu kepada kajian analisis tekstual sahaja. Dimensi jenis analisis tekstual ini mengandungi aspek kosa kata yang merangkumi tema kepada sesuatu penulisan terutamanya dalam penulisan laporan polis kes kemalangan yang dikaji. Selain itu, aspek leksikal turut menjadi tumpuan bagi melihat keberkesanan dalam pengaduan kes kemalangan jalan raya dengan memindahkan maklumat kepada pegawai polis dalam bentuk laporan dengan tepat dan berkesan. Aspek terakhir yang menjadi panduan kepada kajian ini adalah aspek kohesi. Aspek ini adalah bertujuan untuk melihat penggunaan klausa hingga ayat dalam laporan polis kes kemalangan ini. Terdapat beberapa unsur yang diteliti, iaitu leksikal pengulangan dan leksikal konjungsi yang terdapat dalam laporan polis kes kemalangan jalanraya.

Bagi menyempurnakan kajian ini, terdapat beberapa proses analisis yang merangkumi (i) pemilihan data, (ii) pengekodan data, (iii) pengaplikasian teori, (iv) penghuraian dapatan kajian dan (v) pemberian kesimpulan.

Carta 2 : Proses Analisis Kajian



Pada peringkat pertama, proses pemilihan data merupakan aspek penting yang menggunakan kaedah melayap dan mengimbas. Kedua-dua kaedah ini merupakan langkah pertama yang harus dilakukan dalam mengenalpasti data yang mempunyai wacana tekstual yang akan di analisis pada langkah seterusnya. Peringkat seterusnya merupakan peringkat pengekodan data. Menerusi peringkat ini, setiap data yang telah dipilih akan dikodkan pada setiap perenggan dengan menggunakan tanda yang seperti sistem nombor rujukan yang mengandungi maklumat bahagian, perenggan dan ayat. Seterusnya merupakan peringkat ketiga, iaitu mengaplikasikan teori analisis wacana kritis yang telah diperkenalkan oleh Fairclough (1995) yang memfokuskan kepada analisis tekstual. Peringkat keempat pula melibatkan penulisan dapatan yang diperolehi berdasarkan objektif yang telah ditetapkan pada awal kajian, iaitu mengenalpasti dan membincangkan wacana tekstual dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya. Peringkat terakhir merupakan penghasilan rumusan dan kesimpulan kepada kajian yang telah dilakukan yang melibatkan analisis kepada data kajian dengan menyatakan secara jelas dapatan kajian serta sumbangannya terhadap bidang yang sama.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Menerusi laporan polis, terdapat beberapa elemen yang dapat dianalisis menerusi Teori Analisis Wacana Kritis (Fairclough, 1995), antaranya termasuklah elemen analisis wacana tekstual, analisis wacana praktis dan analisis praktis sosial. Namun, menerusi kajian yang dilakukan ini kajian hanya memberi penekanan kepada analisis tekstual sebagai fokus kajian.

Analisis Tekstual

Tatabahasa (Tema)

Salah satu aspek yang penting dalam analisis wacana kritis adalah analisis tatabahasa. Menerusi aspek ini, perkara yang ditekankan adalah berkaitan dengan klausa yang terdapat dalam sesuatu wacana tersebut. Dalam menganalisis klausa ini, elemen tema turut digunakan yang bertujuan untuk melihat struktur tematik teks. Menerusi analisis ini, perkara yang akan dianalisis adalah tema yang sering hadir serta bagaimana kemunculannya terjadi. Dalam sesuatu kejadian kemalangan, pengadu akan membuat aduan berkaitan dengan kemalangan tersebut di balai polis yang terdekat. Menerusi aduan tersebut, pengadu akan menceritakan prihal kejadian kemalangan tersebut dalam laporan polis yang dibuat secara terperinci. Menerusi laporan polis yang telah dikaji, terkesan hanya satu elemen tema yang telah digunakan oleh golongan pengadu, iaitu tema penceritaan. Contoh elemen tema adalah seperti berikut:

Jadual 1: Contoh ayat yang mengandungi elemen tema

Laporan	Contoh Ayat Mengandungi Tema
A1	“(a)...APABILA SAYA SAMPAI DI KM 9 JALAN KUANTAN-KEMAMAN TIBA-TIBA TANPA SAYA SEDARI M/SIKAL YHG SAYA TUNGGANG TELAH TERLANGGAR PADA SEBUAH M/KAR NO KAJ XXX YANG DI LETAKAN DI BAHU JALAN TANPA SEBARANG PAPAN TANDA AMARAN. (b) AKIBAT INI M/SIKAL ROSAK HANDLE ROSAK, COVER SERTA DEPAN ROSAK, LAMPU DEPAN ROSAK, FORK DEPAN ROSAK. LAIN-LAIN KEROSAKAN SERTA NILAI KERUGIAN TIDAK PASTI. (c) SAYA CEDERA LUTUT KIRI LUKA DI JAHIT (3 JAHITAN), TANGAN KIRI LUKA, SAKIT-SAKIT PINGGANG. (d) DI RAWAT DI HTAA, KUANTAN.
A3	“(a) PADA 01/05/2014 JAM LEBIH KUANG 08: 30 MALAM, SAYA MEMANDU MOTOKAR PDQ XXXX DARI SG PETANI MENGHALA KE ALOR SETAR. (b) PADA KETIKA ITU, APABILA SAYA SAMPAI DI KM 45.8 JALAN ALOR SETAR-BUTTERWORTH (BEDONG), SAYA BERHENTI DAN MELETAK M/KAR SAYA DIBAWAH BAHU JALAN KERANA HENDAK MAKAN DI SEBUAH GERAI DI SITU. (c) KETIKA SAYA SEDANG BERADA DI GERAI, TIBATIBA PADA MASA YANG SAMA, SAYA DENGAR BUNYI KUAT DARI ARAH KENDERAAN SAYA, SAYA PERGI MELIHAT DAN MENDAPATI SEBUAH MOTOSIKAR NOMBOR PJQ XXXX TELAH MELANGGAR KENDERAAN SAYA.”

A4	“(b) JAM LEBIH 1.15 TENGAHARI APABILA SAMPAI DI KM 29.1 JALAN IPOH KUALA KANGSAR TIBA-TIBA SEBUAH M/KAR NO PENDAFTARAN AEL XXXX YANG PARKING DITEPI JALAN MEMBUKA PINTU SECARA TIBA TIBA. (c) SAYA TIDAK SEMPAT MENGELAK DAN TERUS TERLANGGAR PINTU M/KAR TERSEBUT. (d) SAYA MENGALAMI KECEDEeraan LUka DIBAHAGIAN TANGAN KIRI DAN KANAN, LUka DIBAHAGIAN KAKI KIRI DAN KANAN. (e) M/SIKAL SAYA TIDAK MENGALAMI SEBARANG KEROSAKAN. (f) SEKIAN LAPORAN SAYA”.
----	---

Jadual 1 di atas menunjukkan penulisan laporan yang merujuk kepada tema penceritaan berlakunya kemalangan yang telah dialami oleh pengadu. Pada ketiga-tiga ayat berikut dapat dilihat penceritaan yang dilakukan oleh pengadu tentang bagaimana kemalangan terjadi. Ayat dalam laporan A1 iaitu “...APABILA SAYA SAMPAI DI KM 9 JALAN KUANTAN-KEMAMAN TIBA-TIBA TANPA SAYA SEDARI M/SIKAL YHG SAYA TUNGGANG TELAH TERLANGGAR PADA SEBUAH M/KAR NO KAJ XXX YANG DI LETAKAN DI BAHU JALAN TANPA SEBARANG PAPAN TANDA AMARAN” menunjukkan bahawa terdapat kenderaan yang diletakkan di bahu jalan tanpa meletakkan sebarang tanda amaran menjadi punca kemalangan yang dialami pengadu. Pada masa yang sama, terdapat juga penceritaan yang dilakukan oleh pengadu berkaitan dengan kecederaan yang dialaminya seperti dalam ayat pada laporan A4 iaitu “SAYA MENGALAMI KECEDEeraan LUka DIBAHAGIAN TANGAN KIRI DAN KANAN, LUka DIBAHAGIAN KAKI KIRI DAN KANAN”. Dalam konteks ini, perbuatan pengadu dapat dilihat bertujuan untuk melaporkan kecederaan yang dialami selain dapat digunakan bagi tujuan mendapatkan tuntutan insuran daripada syarikat insuran.

Leksikal (Metafora)

Metafora merupakan salah satu daripada aspek linguistik yang tergolong dalam terminologi semantik. Metafora ini merupakan satu lakuan bahasa yang digunakan secara kiasan sebagai contohnya dalam sesuatu situasi menunjukkan bahawa dengan mengatakan A adalah B tetapi dari perspektif semantik, A bermaksud C.

Berlainan pula dalam sesuatu laporan polis kes kemalangan, elemen metafora sering digunakan bagi merujuk sesuatu untuk menyatakan atau memahami sesuatu makna yang lain. Terdapat contoh laporan yang menggunakan elemen metafora seperti yang ditunjukkan dalam ayat berikut:

Jadual 2: Contoh ayat yang mengandungi elemen Metafora

Laporan	Contoh Ayat Mengandungi Metafora
A1	“(a)...APABILA SAYA SAMPAI DI KM 9 JALAN KUANTAN-KEMAMAN TIBA-TIBA TANPA SAYA SEDARI M/SIKAL YHG SAYA TUNGGANG TELAH TERLANGGAR PADA SEBUAH M/KAR NO KAJ XXX YANG DI LETAKAN DI BAHU JALAN TANPA SEBARANG PAPAN TANDA AMARAN”.
A8	“(b) PADA KETIKA ITU, APABILA SAYA SAMPAI DI KM 18 JALAN PANTAI REMIS-TAIPINH, KENDERAAN MOTOKAR NO WCHXXXX YANG BERADA DI HADAPAN SAYA DIARAH YANG SAMA TELAH MEMBUAT PUSINGAN U DENGAN MENGEJUT. (c) OLEH KERANA JARAK YANG DEKAT SAYA

TERLANGGAR MOTOKAR TERSEBUT MENYEBABKAN SAYA JATUH BERSAMA MOTOSIKAL. (d) SAYA TIDAK SEDAR. APABILA SAYA SEDAR SAYA BERADA DIWAD 18 HOSPITAL TAIPING. (e) SAYA KELUAR DARIPDA HOSPITAL TAIPING PADA 15/9/2014”

A11

“(b) PADA KETIKA ITU, APABILA SAYA SAMPAI DI KM 44 MUAR SEGAMAT, SEMASA MEMANDU TIBA-TIBA SEBUAH M/JIP NOMBOR PENDAFTARAN MAS XXXX DARI ARAH HADAPAN TIBA-TIBA MEMOTONG DAN MEMASUKI LALUAN SAYA DAN SAYA CUBA MENGELAK LALU TERLANGGAR SEBELAH KANAN M/JIP TERSEBUT.”

Jadual 2 diatas menunjukkan mengenai elemen metafora yang terdapat dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya yang berlaku antara kereta dengan motosikal. Menerusi laporan polis yang telah dilakukan oleh pengadu, terdapat beberapa contoh metafora yang telah dikenalpasti seperti dalam ayat pada laporan A1, iaitu “...*APABILA SAYA SAMPAI DI KM 9 JALAN KUANTAN-KEMAMAN TIBA-TIBA TANPA SAYA SEDARI M/SIKAL YHG SAYA TUNGGANG TELAH TERLANGGAR PADA SEBUAH M/KAR NO KAJ XXX YANG DI LETAKAN DI BAHU JALAN TANPA SEBARANG PAPAN TANDA AMARAN*”. Ayat yang digunakan tersebut merujuk kepada kesalahan yang telah dilakukan oleh kenderaan yang diletakkan di bahu jalan tanpa sebarang tanda yang menyebabkan penunggang motosikal telah mengalami kemalangan. Ayat tersebut mengandungi metafora yang menunjukkan kecuaiannya yang telah dilakukan oleh pemilik kenderaan tersebut. Selain itu, terdapat beberapa perkataan yang digunakan sebagai metafora bagi menunjukkan dan meletakkan kesalahan keatas orang lain seperti perkataan “*TERLANGGAR*” dalam laporan A1 menunjukkan bahawa penunggang tersebut secara tidak sengaja melanggar kereta yang diletakkan di bahu jalan tanpa apa-apa tanda.

Kohesi

Kohesi merupakan satu tautan ayat dalam menghubungkan perenggan dengan perenggan yang lain. Setiap perkara yang telah ditulis hendaklah berhubung kait antara satu sama lain. Oleh sebab itu, tanpa ayat yang kohesi pembaca akan berasa mereka membaca sesuatu ayat yang panjang yang tidak mempunyai idea antara satu sama lain. Justeru, melalui wujudnya kohesi maka teks dan wacana akan berhubung antara satu sama lain bagi membentuk makna yang lebih jelas dan akan memudahkan para pembaca memahaminya.

Leksikal Pengulangan

Kohesi leksikal mengandungi dua bahagian iaitu kohesi leksikal kolokasi dan leksikal pengulangan. Sesuatu penulisan yang baik mengandungi kohesi leksikal kolokasi yang banyak sementara penulisan yang lemah mengandungi kohesi leksikal pengulangan. Menerusi laporan polis yang dikaji, hanya terdapat kohesi leksikal pengulangan berbanding dengan kohesi leksikal kolokasi. Hal ini disebabkan oleh penulisan laporan polis merupakan sesuatu penulisan yang ditulis oleh golongan pengadu yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan. Terdapat beberapa leksikal pengulangan, iaitu Pengulangan Sama Tepat; Pengulangan Sinonim; Pengulangan Superordinat; dan Pengulangan Kelas Kata Umum. Oleh itu, menerusi laporan polis yang dikaji, terdapat beberapa kohesi leksikal pengulangan yang telah dikesan seperti:

Pengulangan Sama Tepat

Kohesi antara ayat dapat dipertahankan melalui kohesi leksikal pengulangan sama tepat ini. Menerusi pengulangan jenis ini, hubungan dapat dibentuk melalui penggunaan perkataan atau frasa yang merupakan kata dasar yang terkandung dalam sesuatu teks sebelumnya. Terdapat contoh laporan yang mengandungi pengulangan sama tepat seperti yang ditunjukkan dalam ayat berikut:

Jadual 3: Contoh Pengulangan Sama Tepat

Laporan	Pengulangan Sama Tepat
A2	"(c) <i>SAYA TIDAK CEDERA, KEROSAKAN M/KAR SAYA PINTU HADAPAN SEBELAH KANAN KEMEK DAN CALAR.</i> (d) <i>LAIN-LAIN KEROSAKAN M/KAR SAYA BELUM PASTI</i> ".
A3	"(b) <i>SAYA BERHENTI DAN MELETAK M/KAR SAYA DIBAWAH BAHU JALAN KERANA HENDAK MAKAN DI SEBUAH GERAI DI SITU.</i> (c) <i>KETIKA SAYA SEDANG BERADA DI GERAI, TIBA TIBA PADA MASA YANG SAMA....</i> "
A4	"(b) <i>TIBA-TIBA SEBUAH M/KAR NO PENDAFTARAN AEL XXXX YANG PARKING DITEPI JALAN MEMBUKA PINTU SECARA TIBA TIBA.</i> (c) <i>SAYA TIDAK SEMPAT MENGELAK DAN TERUS TERLANGGAR PINTU M/KAR TERSEBUT</i> ".

Jadual 3 di atas menunjukkan pengulangan sama tepat yang telah digunakan oleh pengadu dalam membuat aduan bagi kes kemalangan jalan raya yang dialami. Pengulangan sama tepat ini digunakan oleh pengadu bagi memberi penekanan terhadap sesuatu perkataan yang telah dinyatakan pada perenggan sebelumnya. Contoh laporan, dalam ayat pertama pengadu telah menerangkan berkaitan dengan kerosakan m/kar yang dihadapinya manakala ayat seterusnya pengadu mengulangi penggunaan perkataan kerosakan m/kar menerangkan kerosakan lain yang dihadapinya.

Pengulangan Sinonim

Pengulangan jenis ini merupakan pengulangan perkataan yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama. Namun, menerusi laporan polis yang dikaji, tidak terkesan sebarang penggunaan pengulangan sinonim yang digunakan oleh pengadu dalam membuat aduan.

Pengulangan Superordinat

Pengulangan jenis superordinat dapat merujuk kepada kata atau istilah umum sesuatu perkataan. Walau bagaimanapun, pengulangan jenis ini mempunyai sub kelasnya terdiri dari segi hiponim. Contoh pengulangan superordinat adalah seperti yang ditunjukkan dalam ayat berikut:

Jadual 4: Contoh Pengulangan Superordinat

Laporan	Pengulangan Superordinat
A2	"(b) <i>SAYA TELAH PASTIKAN TIADA KENDERAAN MELALUI CERMIN SISI, APABILA SAYA MEMBUKA PINTU TIBA-TIBA DATANG DARI BELAKANG SEBUAH M/SIKAL NO MBCXXX TELAH MELANGGAR PINTU YANG SAYA BUKA</i> "

A5	<i>“(c) KEROSAKAN PADA M/KAR SAYA BUMPER BELAKANG ROSAK. BAHGIAN TEPI SEBELAH KANAN CALAR. LAMPU SIGNAL BELAKANG SBELAH KANAN PECAH”.</i>
A16	<i>“(a)TIBA-TIBA SEBUAH MOTOKAR JENIS PRODUK KANCIL NO PENDAFTARAN BEK XXXX BERWARNA PUTIH YANG DI PANDU OLEH SEORANG LELAKI BANGSA MELAYU YANG SEDANG BERHENTI DIHADAPAN SEBUAH BAS TELAH KELUAR SECARA TIBA-TIBA.....”</i>

Jadual 4 di atas merupakan pengulangan jenis superordinat dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya, pengadu telah menggunakan beberapa perkataan yang mempunyai hiponimnya tersendiri seperti yang ditunjukkan dalam laporan 2 iaitu perkataan kenderaan yang mempunyai hiponimnya iaitu motosikal. Pengadu menggunakan perkataan kenderaan bagi merujuk kepada kereta, lori, motosikal dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penggunaan perkataan motosikal digunakan kerana kenderaan jenis itu telah melanggar pintu keretanya. Oleh itu, penggunaan pengulangan jenis superordinat dapat dikesan penggunaannya dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya yang di kaji dengan mudah.

Leksikal Konjungsi

Kohesi Leksikal Konjungsi dapat dilihat dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya tersebut dengan kewujudan beberapa jenis konjungsi seperti a) Konjungsi koordinatif; b) Konjungsi subordinatif; c) Konjungsi korelatif; d) Konjungsi antara ayat; dan e) Konjungsi antara perenggan.

Konjungsi Koordinatif

Konjungsi ini merupakan konjungsi yang menghubungkan dua unsur sintaksis yang memiliki status yang sama, baik unsur itu klausa, frasa, kata. Perkataan yang menunjukkan konjungsi koordinatif ialah *dan, dengan, serta, atau, kemudian, lantas, terus, adapun, dan lagi, tetapi, melainkan, padahal, dan sedangkan*. Menerusi artikel ini terdapat beberapa konjungsi koordinatif yang dikesan seperti *atau, dan, dengan* dan *terus*. Terdapat contoh ayat yang mengandungi konjungsi jenis ini dalam laporan polis kes kemalangan adalah seperti:

Jadual 5: Contoh Konjungsi Koordinatif

Laporan	Konjungsi Koordinatif
A1	<i>“(b) AKIBAT INI M/SIKAL ROSAK HANDLE ROSAK, COVER SERTA DEPAN ROSAK, LAMPU DEPAN ROSAK, FORK DEPAN ROSAK. LAIN-LAIN KEROSAKAN SERTA NILAI KERUGIAN TIDAK PASTI”.</i>
A3	<i>“(b) SAYA BERHENTI DAN MELETAK M/KAR SAYA DIBAWAH BAHU JALAN KERANA HENDAK MAKAN DI SEBUAH GERAI DI SITU”.</i>
A4	<i>“(c) SAYA TIDAK SEMPAT MENGELAK DAN TERUS TERLANGGAR PINTU M/KAR TERSEBUT”.</i>

Jadual 5 merupakan hasil daripada analisis yang telah dilakukan mendapati terdapat banyak penggunaan konjungsi koordinatif yang telah digunakan oleh pengadu dalam membuat aduan kes kemalangan jalan raya. Perkataan seperti “*dan*”, “*serta*” dan “*terus*” banyak digunakan berbanding dengan perkataan lain yang tersenarai dalam konjungsi ini. Penggunaan konjungsi ini menyebabkan maklumat yang ingin disampaikan mudah difahami serta dapat mengabungkan beberapa maklumat yang diperlukan.

Konjungsi Subordinatif

Terdapat beberapa jenis konjungsi subordinatif iaitu konjungsi subordinatif jenis penanda a) hubungan waktu (*sejak, semenjak, sewaktu, ketika, sementara, begitu, seraya, selagi, selama, sambil, demi, setelah, sesudah, sebelum, sehabis, hingga, sampai*), b) penanda hubungan sebab (*sebab, kerana itu, kerana, oleh kerana, oleh sebab*), c) pengandaian: (*andaikan, seandainya, umpamanya, sekiranya*), d) penanda hubungan syarat (*jika, kalau, jikalau, asal(kan), bila, manakala*), e) penanda hubungan tujuan: (*agar, supaya, biar*), f) penanda hubungan konsesif: (*biarpun, meski(pun), walau(pun), sekali(pun), sungguh(pun), kendati(pun)*), g) penanda hubungan pengandaian: (*seakan-akan, seolah-olah, seperti, sebagai, laksana, laksana, ibarat*), h) penanda hubungan hasil: (*sehingga, sampai (-sampai), maka(nya)*) i) penanda hubungan cara: (*dengan, tanpa*), j) penanda hubungan komplementasi: (*bahawa*), k) penanda hubungan atribut: (*yang*), dan l) penanda hubungan perbandingan: (*sama...dengan, lebih...dari(pada)...*). Terdapat contoh ayat yang mengandungi konjungsi jenis subordinatif ini dalam laporan polis kes kemalangan adalah seperti:

Jadual 6: Contoh Konjungsi Subordinatif

Laporan	Jenis Subordinatif	Konjungsi	Contoh Ayat
A13	Penanda Hubungan waktu		“(b)SEMASA SAYA SEDANG MASUK KE SIMPAH SEBELAH KANAN SETELAH MEMBERI SIGNAL, TIBA-TIBA SEBUAH 4WD TOYOTA HILUX NO. SXXXX YANG DATANG...”
A14	Penanda Hubungan Sebab		“(b) SAYA HORN BEBERAPA KALI TETAPI DISEBABKAN TERLALU DEKAT SAYA BREK TERLANGGAR JUGA M/SIKAL TERSEBUT. PENUNGGANG M/SIKAL TERSEBUT MENGALAMI KECEDERAAN DISEBABKAN BELIAU TIDAK MEMAKAI TOPI KELEDAR...”
A10	Penanda Hubungan Syarat		“(c) DALAM KEMALANGAN TERSEBUT SAYA TIDAK MENGALAMI APA-APA KECEDERAAN MANAKALA M/KAR SAYA MENGALAMI

		<i>KEROSAKAN KEMEK PINTU HADAPAN SEBELAH KANAN...</i>
A9	Penanda Hubungan Pengandaian	<i>“(e) KERETA YANG SAYA PANDU MENGALAMI KERSOKAN SEPERTI STEERING ROD, BONET KEMIK, BODY KEMIK, RIM TAYAR ROSAK...”</i>
A10	Penanda Hubungan Hasil	<i>“(b) ...JAM L/KURANG 11.30 PAGI SAMPAI DI KM 5 JALAN CHUKAI AIR PUTIH TIBA TIBA SEBUAH M/KAR NO: CBC XXXX JENIS KIA SEPHIA...”</i>
A15	Penanda Hubungan Cara	<i>“(c)DISEBABKAN JARAK DI ANTARA KENDERAAN SAYA DENGAN KENDERAAN ITU SUDAH DEKAT SANGAT, SAYA TERUS MENEKAN BREK...”</i>
A16	Penanda Hubungan Atribut	<i>“(a) ...TIBA-TIBA SEBUAH MOTOKAR JENIS PRODUK KANCIL NO PENDAFTARAN BEK XXXX BERWARNA PUTIH YANG DI PANDU OLEH SEORANG LELAKI BANGSA MELAYU...”</i>

Berdasarkan jadual 6 di atas menunjukkan laporan polis kes kemalangan jalan raya yang dikaji, hanya terdapat tujuh konjungsi subordinatif yang telah digunakan oleh golongan pengadu dalam membuat laporan polis berkaitan dengan kes kemalangan yang mereka alami. Antara konjungsi subordinatif yang digunakan tersebut adalah seperti penanda hubungan waktu; penanda hubungan sebab; penanda hubungan syarat; penanda hubungan pengandaian; penanda hubungan hasil; penanda hubungan cara; dan penanda hubungan atribut. Penggunaan konjungsi subordinatif adalah disebabkan oleh pengabungan beberapa ayat bagi memastikan sesuatu laporan yang dibuat oleh pengadu dapat difahami serta mempunyai maklumat yang berguna kepada pegawai polis yang menerima laporan tersebut.

Konjungsi Antara Ayat

Konjungsi ini berfungsi bagi menghubungkan ayat dengan ayat yang lain dalam membentuk suatu ayat yang baru. Contoh Konjungsi Antara Ayat ialah *biarpun demikian, sekalipun demikian, walaupun demikian, meskipun demikian, sungguhpun demikian, kemudian, sesudah itu, setelah itu, selanjutnya, tambah pula, lagi pula, selain itu, sebaliknya, sesungguhnya, malah(an), bahkan, (akan) tetapi, namun, kecuali, dengan demikian, walau begitu, oleh kerana itu, oleh sebab itu*. Terdapat contoh ayat yang mengandungi konjungsi jenis antara ayat ini dalam laporan polis kes kemalangan adalah seperti:

Jadual 7: Contoh Konjungsi Antara Ayat

Laporan	Konjungsi Antara Ayat
A5	“(b) KEMUDIAN SAYA PERGI KE TEMPAT PARKING M/KAR SAYA DAN DAPATI SEBUAH M/SIKAL NO PJT XXXX TELAH MELANGGAR BAHAGIAN BELAKANG M/KAR SAYA...”
A15	“(c) ...SAYA TERUS MENEKAN BREK DAN CUBA MENGELAK TETAPI TERLANGGAR JUGA DIBAHAGIAN DEPAN KENDERAAN ITU.”

Berdasarkan jadual 7 didapati hanya terdapat dua perkataan konjungsi antara ayat yang telah digunakan oleh pengadu, iaitu perkataan “kemudian” dan “tetapi”. Kedua-dua perkataan ini digunakan untuk menyambungkan dua ayat menjadi satu ayat yang lebih dinamik bagi memberikan penjelasan yang lebih baik terhadap kemalangan yang telah dialami oleh pengadu.

Konjungsi Antara Perenggan.

Konjungsi ini berfungsi bagi menghubungkan perenggan dengan perenggan yang lain. Sebagai contohnya perkataan selain itu. Terdapat contoh ayat yang mengandungi konjungsi jenis antara perenggan ini dalam laporan polis kes kemalangan adalah seperti:

Jadual 8: Contoh Konjungsi Antara Perenggan

Laporan	Konjungsi Antara Perenggan
A3	“(c) ...SAYA PERGI MELIHAT DAN MENDAPATI SEBUAH MOTOSIKAR NOMBOR PJQ XXXX TELAH MELANGGAR KENDERAAN SAYA. DALAM KEJADIAN INI , KEROSAKAN MOTOKAR SAYA IALAH BUMPER BELAKANG SEBELAH KANAN TERKELUAR, LAMPU BELAKANG SEBELAH KANAN PECAH, EXZOS PAIP BENGKOK DAN BOOT BELAKANG TERANGKAT”.
A6	“(b) ...TIBA-TIBA TERDENGAR DENTUMAN KUAT DARIPADA ARAH BELAKANG. SELEPAS ITU SAYA TURUN MELIHAT DAPATI SEBUAH M/SIKAL NOMBOR KAX XXX JENIS MODENAS KRISS, DATANG DARIPADA ARAH BELAKANG TELAH MELANGGAR BELAKANG M/KAR SAYA”.
A7	“(b)...TIBA-TIBA ENJIN M/KAR SAYA MATI DAN SAYA BERHENTI DISEBELAH KIRI JALAN UNTUK MELIHAT ENJIN M/KAR SAYA. PADA MASA YANG SAMA SAYA TERDENGAR BUNYI DENTUMAN YANG JUAT DARI ARAH BELAKANG”.

Jadual 8 mendapati terdapat beberapa penggunaan konjungsi antara perenggan yang telah digunakan oleh dalam membuat aduan berkaitan dengan kemalangan yang dialami mereka. Konjungsi ini merupakan penyambung antara dua perenggan bagi menampakkkan tautan antara satu sama lain bagi meneruskan satu idea yang sama antara perenggan.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah mengenalpasti dan menghuraikan analisis tekstual dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya. Laporan polis sesuatu perkara yang sangat penting bagi memberikan gambaran awal kepada seorang pegawai polis bagi melakukan penyiasatan terhadap sesuatu kemalangan yang terjadi. Selain itu, berpandukan laporan polis juga, Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman akan dapat melakukan menganalisis berkaitan dengan data kemalangan yang telah berlaku pada tahun semasa selain mencari punca berlakunya kemalangan tersebut.

Hasil daripada penelitian mendapati bahawa elemen yang terdapat dalam analisis tekstual yang dikemukakan oleh Fairclough (1995) telah digunakan oleh pengadu dalam membuat laporan polis kes kemalangan jalan raya yang dialami mereka iaitu tatabahasa (tema); leksikal (metafora); dan kohesi. Menerusi elemen tatabahasa (tema), pengadu hanya menggunakan tema penceritaan dalam laporan kes kemalangan yang mereka alami. Hal ini disebabkan oleh pengadu ingin memberitahu atau menjelaskan kepada pegawai polis situasi sebenar berlakunya kemalangan tersebut. Kebiasaannya golongan pengadu akan menceritakan kemalangan daripada sebelum, semasa dan selepas kemalangan berlaku. Oleh itu, tema penceritaan sahaja yang telah dikenalpasti serta dianalisis dalam kajian ini.

Berkaitan dengan elemen leksikal (metafora) pula, pengadu akan membuat cuba memberikan gambaran bahawa mereka berada dalam keadaan yang tidak bersalah dan akan cuba meletakkan kesalahan kepada orang lain. Sebagai contohnya ayat “...*APABILA SAYA SAMPAI DI KM 9 JALAN KUANTAN-KEMAMAN TIBA-TIBA TANPA SAYA SEDARI M/SIKAL YHG SAYA TUNGGANG TELAH TERLANGGAR PADA SEBUAH M/KAR NO KAJ XXX YANG DI LETAKAN DI BAHU JALAN TANPA SEBARANG PAPAN TANDA AMARAN*”. Menerusi ayat ini, jelas dilihat pengadu memberikan gambaran bahawa pemilik kenderaan lain yang terlibat dalam kemalangan tersebut bersalah kerana tidak meletakkan sebarang papan tanda amaran walaupun keadaan sebenar kemalangan masih lagi belum diketahui oleh seseorang pegawai polis yang menyiasat kes berkenaan.

Seterusnya adalah elemen kohesi yang dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kohesi leksikal pengulangan dan kohesi leksikal konjungsi. Kohesi leksikal pengulangan pula terbahagi kepada empat iaitu Pengulangan Sama Tepat; Pengulangan Sinonim; Pengulangan Superordinat; dan Pengulangan Kelas Kata Umum. Menerusi laporan polis kes kemalangan, didapati bahawa hanya tiga leksikal pengulangan yang digunakan oleh pengadu dalam membuat laporan polis, iaitu leksikal Pengulangan Sama Tepat; Pengulangan Sinonim; dan Pengulangan Superordinat.

Elemen yang terakhir yang adalah elemen Leksikal Konjungsi. Elemen ini merupakan bentuk atau unit linguistik yang mempunyai penghubung, pengganding atau penghubung antara perkataan untuk kata, frasa dengan frasa, klausa dengan klausa, ayat dengan ayat, dan sebagainya. Dalam laporan polis kes kemalangan yang di telah di analisis didapati bahawa hanya empat jenis konjungsi yang telah dikenalpasti, iaitu Konjungsi koordinatif; Konjungsi subordinatif; Konjungsi antara ayat; dan Konjungsi antara perenggan. Konjungsi ini berfungsi sebagai penghubung kepada unsur ayat, perenggan, sintaksis, dan sebagainya sama ada melalui klausa, frasa atau kata.

Melalui laporan polis kes kemalangan yang di analisis, jenis konjungsi koordinatif telah digunakan oleh pengadu dalam membuat aduan. Antara perkataan yang sering digunakan oleh pengadu ialah seperti “*serta*”; “*dan*”; dan “*terus*”. Selain itu, jenis konjungsi subornatif pula daripada dua belas unsur, hanya terdapat tujuh sahaja penggunaannya telah dikenalpasti dalam laporan polis yang di analisis. Unsur-unsur berikut ialah Penanda hubungan waktu; Penanda hubungan sebab; Penanda

hubungan syarat; Penanda hubungan pengandaian; Penanda hubungan hasil; Penanda hubungan cara; dan Penanda hubungan atribut. Jenis yang seterusnya adalah konjungsi antara ayat. Menerusi konjungsi jenis ini, didapati bahawa penggunaan oleh pengadu amat jelas dalam laporan polis yang di analisis. Hal ini disebabkan oleh, pengadu cuba untuk menggabungkan beberapa ayat untuk dijadikan satu ayat yang jitu bagi memberikan gambaran awal kepada pihak polis berkaitan dengan kemalangan yang telah berlaku. Penggunaan beberapa kata hubung seperti "*tetapi*" dan "*kemudian*" telah digunakan dalam laporan tersebut. Oleh itu, penggunaan konjungsi jenis ini dilihat amatlah penting bagi menggabungkan ayat agar nampak lebih teratur dan bermakna. Seterusnya didapati bahawa pengadu juga menggunakan konjungsi jenis antara perenggan dalam membuat laporan polis kes kemalangan jalan raya yang mereka alami. Hal ini dibuktikan dengan penggunaan beberapa perkataan seperti "*dalam kejadian ini*"; "*selepas itu*"; dan "*pada masa yang sama*". Perkataan ini telah digunakan oleh pengadu dalam menyambung perenggan dengan perenggan yang lain bagi menyatukan rentetan cerita berlaku dalam kes kemalangan. Oleh itu, cerita dalam laporan yang dilakukan tersebut akan nampak lebih realistik serta memudahkan pegawai polis memahami situasi sebenar berlakunya kemalangan itu.

KESIMPULAN

Kajian yang telah dilakukan ini memfokuskan kepada kajian analisis wacana kritis dalam penelitian terhadap wacana tekstual yang terdapat dalam laporan polis kes kemalangan jalan raya yang dapat dimanfaatkan oleh golongan masyarakat serta jabatan PDRM. Pada masa yang sama, analisis yang dilaksanakan ini dapat melihat bagaimana sesuatu bahasa yang digunakan dapat diadaptasi dalam masyarakat terutamanya dalam membuat laporan polis berkaitan dengan kes kemalangan yang dialami. Kajian yang dilakukan ini menunjukan bahawa wacana tekstual merupakan aspek yang penting yang harus diketengahkan bagi memberi panduan kepada golongan masyarakat dalam membuat sesuatu laporan polis. Aspek wacana tekstual iaitu tatabahasa (tema), leksikal (metafora) dan kohesi haruslah selari bagi mendapatkan sesuatu laporan polis yang mempunyai makna, lengkap dan mudah difahami oleh seorang pegawai polis dalam melakukan siasatan terhadap laporan yang diterima. Secara keseluruhan, kajian ini telah menambahkan lagi sumber rujukan dalam bidang wacana selain berjaya meneroka dengan lebih jauh berkaitan bidang kepolisan terutamanya dalam bidang penulisan laporan polis kes kemalangan jalan raya yang bersandarkan kepada teori analisis wacana kritis Fairclough (1995). Oleh itu, pembukaan dimensi baru dalam bidang wacana ini bukan sahaja mampu menambahkan dan meningkatkan peranan bidang ilmuan namun turut menyumbangkan ilmu yang bermanfaat dalam kehidupan masyarakat. Kajian yang telah dilakukan ini mempunyai implikasi yang sangat besar kepada bidang kepolisan dalam menambahkan lagi ilmu berkaitan dengan penulisan yang bermaklumat agar setiap laporan polis yang dilakukan dapat memudahkan lagi proses penyiasatan oleh seseorang pegawai penyiasat. Kajian yang dilakukan ini juga dapat digunakan oleh pengkaji lain yang akan mengkaji dalam bidang yang sama iaitu bidang wacana dalam penulisan rasmi yang lain seperti penulisan minit mesyuarat, penulisan laporan harian dan sebagainya.

RUJUKAN

- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) Pindaan 2002.
- Asrul Fahmi bin Abdul Mutalib. (2019). *Kemalangan Jalan Raya: Kebenaran Di Sebaliknya*. Myhealth Kementerian Kesihatan Malaysia. Diperolehi pada 15 April 2021 daripada <http://www.myhealth.gov.my/kemalangan-jalan-raya-kebenaran-di-sebaliknya/>
- Ary Hunanda Kuswandari, St. Y. Slamet dan Budhi Setiawan. (2017). Analisis Wacana: Representasi Pendidikan Indonesia pada Berita Online Detik.Com. *Metalingua, Vol. 15 No. 2, Desember 2017:145–152*.
- Brown, G. & Yule, G. (1983). *Discourse Analysis*. England: Cambridge University Press.
- Denzin dan Lincoln. (1994). *Hand Book of Qualitative Research*. London: Sage Publication, Thousand Oaks.
- Fadila Sukma Wijaya. (2020). Kohesi Leksikal Wacana Berita Pelantikan Presiden di Media Daring tempo.Co. *Jurnal Mahasiswa Ilmu Budaya*. Fakultas Adab dan Bahasa IAIN Surakarta.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and Social Change*. Polity Press: United Kingdom
- Fairclough, Norman. (1989). *Language and Power*. New York: Addison Wesley Longman.
- Fairclough, Norman. (1992). *Discourse and Social Change*. UK and USA: Polity Press.
- Fairclough, Norman. (1995). *Critical Discourse Analysis*. New York: Addison Wesley Longman.
- Harimurthi Kridalaksana. (1978). Keutuhan wacana. *Kertas Kerja Konferensi Indonesia, Jakarta*, 13-19 Februari 1978.
- Hendrikus A. A. de Rosari. (2020). Telaah Wacana Kritis pada Teks Wacana Stand Up Comedy Season 4 di Kompas Tv (Model Analisis Teun A. Van Dijk). *de Rosari/JO, 2020, 1 (1)20–28*ISSN: 2089-0494 (P). Diperolehi pada 9 April 2021 daripada <http://www.jurnaloptimismepbs.com/index.php/jurnaloptimismepbs>.
- J. Prasetyo, W. Z. Musa, Z. Mohd Jawi, (2020). Road Accident Prediction Model along Federal Road FT050 Kluang-A/Hitam-B/Pahat Route Using Excess Zero Data. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering* 852 012144 (2020) DOI: 10.1088/1757-899X/852/1/012144
- Kemalangan dan Kematian Jalan Raya di Malaysia (2021, April 14)* <https://www.mot.gov.my/my/land/safety/road-accident-and-facilities>
- Mardikantoro, Hari Bakti and Santoso, B. Wahyudi Joko. (2017). *Korupsi dalam Konstruksi Media : Analisis Tekstual Pemberitaan Korupsi di Televisi Swasta Nasional Indonesia dalam Perspektif Analisis Wacana Kritis Van Dijk*. In: PIBSI XXXIX, 7-8 November 2017, Semarang.
- Munzilah Md Rohani. (2020). *Kematian nahas jalan raya makin membimbangkan*. Diperolehi pada 23 April 2021 daripada BHOnline <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/09/728658/kematian-nahas-jalan-raya-makin-membimbangkan>
- Ninit Alfianika. (2016). Analisis. Wacana Kritis Teori Inclusion Theo Van Leeuwen dalam Berita Kriminal Tema Pencurian Koran Posmetro Padang Edisi Mei 2013. *Jurnal Penelitian Bahasa dan Sastra Indonesia* V2.i1 (33-43)
- Norzaha Che-Him et al. (2018). *Factors Affecting Road Traffic Accident in Batu Pahat, Johor, Malaysia. J. Phys: Conf. Ser.* 995 012033
- Nur Indah Sholikhati dan Hari Bakti Mardikantoro. (2017). Analisis Tekstual dalam Konstruksi Wacana Berita Korupsi di Metro TV dan NET dalam Perspektif Analisis Wacana Kritis Norman Fairclough. *Seloka: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia. SELOKA* 6 (2) (2017) : 123 -129.
- Nuura Addina Mohamad, Sharifah Liew, Low Suet Fin dan Khairil Anwar Abu Kassim. (2020). *MRR No. 323 Online Survey on Attitude among Car Drivers towards Motorcyclists in Klang Valley*. Diperolehi pada 10 April 2021 daripada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya

- Malaysia, Malaysian Institute of Road Safety Research
<https://www.miros.gov.my/xs/index.php>
- Ririn Hardianthy Tonang. (2020). Kohesi Leksikal pada Surat Kabar Sulteng Raya. *Jurnal Bahasa dan Sastra Volume 5 No 2 (2020)* ISSN 2302-2043.
- Sabey, B. E. and Staughton. (1975). Interacting Roles of Road Environment, Vehicle and Road-user in Accidents. *IAATM 5th International Conference. London, September.*
- Sinar, Tengku Silvana. (2003). *Teori dan Analisis Wacana: Pendekatan Sistemik Fungsional*. Medan: Pustaka Bangsa Press.
- Siti Aminataz Zuhriyah. (2019). Analisis Kohesi Leksikal pada Berita Olahraga di Surat Kabar Solopos Edisi Oktober 2019. *ESTETIK: Jurnal Bahasa Indonesia, vol. 3, no. 1, 2020 IAIN Curup – Indonesia / ISSN 2622-1810 (p); 2622-1829 (e) DOI: 10.29240/estetik.v3i1.1481*
- Talib Ria Jaafar, Mohd Faizar Mustafa, Sutiman Kemin dan Ramlan Kasiran (2003). Kemalangan Jalan Raya: Analisis Data Membabitkan Pengguna Motosikal. *Jurnal Teknologi, 38(B) Jun. 2003: 1–14*: Universiti Teknologi Malaysia
- Tarigan, H.G. (1995). *Pengajaran Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuty Haryanti Ahmad Rodzi. (2019). *Tiga negeri catat kemalangan maut tertinggi*. Diperolehi pada 23 April 2021 daripada BHOnline <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/05/568918/tiga-negeri-catat-kemalangan-maut-tertinggi>